


Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Tamadun Yunani terkenal dengan negara-kota atau *polis*.
Tamadun ini gabungan tiga komponen berikut **kecuali**
 A daerah
 B kampung
 C bandar kecil
 D bandar utama
2. Di antara tiga *polis* yang terkenal dalam Tamadun Yunani, negara-kota manakah yang mempunyai penduduk paling ramai?
 A Athens
 B Sparta
 C Corinth
 D Acropolis
3. Apakah maksud sistem pemerintahan Oligarki dalam Tamadun Yunani?
 A Sistem berasaskan raja
 B Dikuasai oleh golongan bangsawan
 C Dikuasai oleh sebahagian kecil golongan berkuasa
 D Dikuasai oleh golongan yang zalim dan menindas rakyat
4. Apakah seni bina Rom yang terkenal dan kekal sehingga hari ini?
 I Colosseum
 II Pantheon
 III Tiang
 IV Siling
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

5. Sistem demokrasi di Athens melalui beberapa tahap perkembangan. Semasa zaman pemerintahan demokrasi tokoh berikut, iaitu Pericles.



Pada zaman manakah sistem demokrasi di Athens menjadi lemah dan terhapus?

- A Solon
 B Marcus
 C Raja Philip
 D Marco Vitruvius
6. Gambar berikut merupakan Colosseum di Rom.



Apakah ciri binaan Colosseum?

- A Lebarnya 13 meter
- B Keluasan kira-kira 2.5 hektar
- C Ketinggian 60 meter panjang
- D Memuatkan seramai 100,000 orang

7. Maklumat berikut berkaitan dengan Pantheon.

Pantheon merupakan binaan berkubah besar digunakan sebagai tempat penyembahan dewa dewi masyarakat Rom. Dindingnya dibina daripada simen yang merupakan asas binaan seni bina.

Apakah bahan yang terdapat di dalam simen tersebut?

- A Bata-batu
- B Kapur
- C Minyak
- D Batuan merah

8. Apakah kepentingan ruang terbuka yang dikenali sebagai *Oculus* berukuran 13 meter lebar di puncak Pantheon?

- A Hiasan untuk sesuatu binaan
- B Ruang lampu bulan pada waktu malam
- C Membenarkan udara memasuki ruangan
- D Membolehkan cahaya matahari menyinari ruangan

9. Gambar berikut merupakan Amfiteater salah satu Colosseum mini di Rom.



Apakah kegunaan Amfiteater?

- A Tempat persembahan seni
- B Tempat pertunjukan nyanyian
- C Tempat pertabalan raja
- D Tempat perbincangan para bangsawan

10. Binaan akueduk di Rom berfungsi membekalkan air ke seluruh kediaman bandar dan empayar Rom.

Siapakah jurutera yang membina akueduk ini?

- A Karls
- B Gloria K. Fiero
- C Marcus Visanius
- D Marcus Agrippa

11. Mengapakah akueduk dibina pada tahun 19 SM?

- A Mengairi tanaman
- B Aspek mutu sumber air, aliran air dan lokasi
- C Kajian jumlah air yang mampu dibekalkan
- D Berdasarkan jumlah hujan yang diterima

12. Gambar berikut merupakan jalan raya di Rom yang dibina pada tahun 500 SM.



Bagaimanakah jalan raya tersebut dibina?

- A Secara bertindan dengan batu-bata
- B Menggunakan batu besar dan tanah merah
- C Menggunakan tanah yang banyak dan timbunan batu
- D Berlapis-lapis dengan batu besar, batu kecil dan batu kerikil

13. Selain melindungi Tamadun Rom daripada musuh, apakah fungsi lain tembok pertahanan?
- A Menentukan kawasan yang subur dan tidak subur
 - B Menjadi kawasan yang boleh berniaga
 - C Menjadi pemisah antara kawasan kekuasaan Rom dengan kawasan bukan wilayah Rom
 - D Menentukan kawasan yang boleh didiami
14. Apakah kemudahan yang disediakan di tempat mandi awam dalam Tamadun Rom?
- A Bilik mandi
 - B Ruang makan
 - C Ruang persembahan
 - D Dewan perhimpunan
15. Apakah nilai yang boleh diperoleh daripada peningkatan dalam kesenian dan kemampuan orang Rom?
- A Amanah
 - B Timbang rasa
 - C Kesungguhan
 - D Kebijaksanaan